

23/10/2002

Barisan terima Abdullah sebagai timbalan pengerusi

KUALA LUMPUR, Selasa - Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini, bersetuju mengiktiraf pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Pengerusi BN.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pengesahan itu bermakna Abdullah boleh mengadakan mesyuarat BN sekiranya beliau tidak dapat hadir.

"Persetujuan itu dicapai berdasarkan kata sepakat parti komponen BN untuk mewujudkan jawatan berkenaan.

"Mesyuarat hari ini juga bersetuju mengadakan pergerakan Pemuda BN dan Wanita BN," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini hari ini.

Sebelum ini, jawatan Timbalan Pengerusi BN tidak termaktub dalam perlembagaan walaupun tugas itu dilakukan Abdullah.

Dr Mahathir berkata, berikutan keputusan berkenaan, mesyuarat bersetuju supaya perlembagaan BN dipinda.

Sementara itu, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat yang ditemui berkata, mesyuarat hari ini turut membincangkan cadangan mewujudkan keahlian bersekutu untuk parti yang menyokong perjuangan BN.

Beliau berkata, ini kerana banyak parti lain yang mempunyai ideologi sama dan berminat menyertai BN.

"Parti berkenaan juga banyak menyokong perjuangan BN selain membantu kempen pilihan raya tanpa mengira calon parti komponen mana yang bertanding.

"Cadangan yang diutarakan ialah membenarkan parti ini menjadi anggota bersekutu, yakni keahliannya dalam BN diiktiraf tetapi tidak mempunyai hak mengundi seperti parti komponen lain," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, ada parti komponen menolak cadangan itu dan ia tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mendapat persetujuan sebulat suara semua 14 parti komponen.